

# Dr. M kecewa publisiti Taman Pertanian Sabah tidak meluas

UM 26 MAR 2001

KOTA KINABALU 25 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad secara terbuka melahirkan kekecewaannya kerana Taman Pertanian Sabah di Tenom yang dianggapnya sebagai yang terbaik di dunia tidak mendapat publisiti meluas oleh media massa tempatan.

"Saya kecewa benar mengenai perkara ini kerana sepatutnya media massa memberikan publisiti meluas kepada Taman Pertanian Sabah sebagai produk pelancongan, tetapi mereka lebih gemar kepada berita mengenai politik," tegasnya.

Perdana Menteri memberitahu demikian kepada pemberita pada sidang akhbar sebagai mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Sabah sebelum berlepas pulang ke ibu negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini hari ini.

Terdahulu dalam ucapan sempena peletakan batu asal kompleks pentadbiran Persekutuan Sabah di Likas, dekat sini, Dr. Mahathir juga turut melahirkan kekecewaan yang sama terhadap Taman Pertanian Sabah yang disifatkan sebagai 'tertutup' kepada pengetahuan umum.

"Semasa saya melawat Tenom dan berpeluang ke Taman Pertanian Sabah itu saya berasa kagum dengan taman itu tetapi ia seperti satu keindahan tersembunyi yang terdapat di negeri ini," ujarnya.

Menurutnya, keindahan tersembunyi Taman Pertanian Sabah di Lagud Sebrang yang terletak 200 kilometer dari Kota Kinabalu atau 15 kilometer dari pekan Tenom itu tidak sepatutnya disembunyikan sebagai produk pelancongan.

## Terbaik di dunia

"Boleh dikatakan hampir ke serata dunia saya lawati, tetapi Taman Pertanian Sabah ini saya anggap sebagai yang terbaik di dunia," tegasnya.

Taman Pertanian Sabah itu dilengkapi dengan tempat menarik antaranya ialah sawah padi, agropertanian, laluan rekreasi, pusat lebah madu, taman evolusi, taman bunga, pusat orkid, taman model, tasik untuk rekreasi dan memancing, muzium tanaman hidup dan taman haiwan ternakan rusa.

Para pelawat dikenakan bayaran masuk untuk rakyat tempatan meliputi dewasa bagi setiap individu RM10, pelajar sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi, serta pesara kerajaan dan warga tua (RM7), kanak-kanak bawah 13 tahun (RM5), keluarga yang mengandungi dua dewasa dan maksimum dua anak bawah 13 tahun (RM20), kanak-kanak bawah 13 tahun dan golongan kurang upaya percuma.

Pelancong asing pula dikenakan bayaran masuk meliputi dewasa termasuk kanak-kanak 13 tahun ke atas (RM25), kanak-kanak bawah 13 tahun (RM10), keluarga yang mengandungi dua dewasa dan maksimum dua anak bawah 13 tahun (RM50), kanak-kanak bawah enam tahun dan golongan kurang upaya masuk percuma.

Difahamkan sebelum ini terdapat usaha wartawan tempatan untuk memberikan publisiti kepada Taman Pertanian Sabah di bawah Jabatan Pertanian Sabah itu tetapi mereka terpaksa menghadapi peraturan yang ketat daripada pihak pengurusannya.